

20TH SENIOR TECHNICAL MANAGERS' MEETING OF THE ACID DEPOSITION MONITORING NETWORK IN EAST ASIA

KUALA LUMPUR, 4 September 2019 – Malaysia melalui Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan agensinya Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran *20th Senior Technical Managers' Meeting (STM20) of the Acid Deposition Monitoring Network in East Asia (EANET)* yang berlangsung pada 4 hingga 5 September 2019 di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur. Ini merupakan kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah bagi STM selepas penganjuran pertama pada tahun 2011.

STM merupakan salah satu aktiviti tahunan EANET dengan penganjurannya dibuat secara bergilir-gilir oleh 13 negara ahli EANET. Objektif STM adalah bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan aktiviti pemantauan pemendapan berasid, meneliti draf laporan data yang disediakan oleh *Network Center* bagi *Asia Center for Air Pollution Research (ACAP)*, meneliti keputusan analisa *Inter-Laboratory Comparison Project (ILC)* bagi setiap makmal yang terlibat dalam penganalisaan sampel pemendapan berasid dan mempertimbangkan laporan *National Monitoring Plans* setiap negara ahli. Berdasarkan maklumat penilaian saintifik ini, EANET menerbitkan Laporan *Periodic Report on the State of Acid Deposition in East Asia* yang penting bagi membantu para pembuat dasar merangka polisi negara berkaitan isu-isu pencemaran udara.

Penganjuran STM20 adalah penting bagi meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pegawai tempatan serta memperluas jaringan rangkaian

perhubungan antara pegawai tempatan dan pakar luar negara dalam bidang pemendapan berasid. Melalui komitmen tinggi yang ditunjukkan dalam STM20, ia mampu meningkatkan keupayaan negara dalam menjalankan aktiviti pemantauan pemendapan berasid dengan lebih berkesan serta menjaga kepentingan negara dalam isu-isu berkaitan pemendapan berasid termasuk impaknya kepada alam sekitar dan kegiatan sosioekonomi negara.

STM20 telah dirasmikan oleh YBrs. En. Jailan bin Simon, Ketua Pengarah MET Malaysia pada 4 September 2019 mewakili Ketua Setiausaha MESTECC. Majlis perasmian turut dihadiri oleh En. Tomi Haryadi, Sekretariat EANET dan Dr. Tsuyoshi Ohizumi, *Head of Data Management*, ACAP.

STM20 disertai oleh seramai 19 orang peserta antarabangsa yang terdiri daripada pegawai-pegawai teknikal kanan yang terlibat dalam aktiviti pemantauan EANET iaitu dari negara China, Filipina, Indonesia, Jepun, Kemboja, Republik Korea, Laos, Mongolia, Myanmar, Rusia, Thailand dan Vietnam. Seramai 17 orang peserta tempatan yang terlibat dengan mesyuarat ini adalah dari MET Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Gambar berkumpulan dif-dif kehormat berserta para jemputan dan peserta STM20 semasa majlis perasmian



Majlis perasmian STM20 disempurnakan oleh YBrs. En. Jailan bin Simon, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia



Ucapan alu-aluan oleh En. Tomi Haryadi, Sekretariat EANET



Ucapan alu-aluan oleh Dr. Tsuyoshi Ohizumi, ACAP



Gambar berkumpulan peserta STM20



Sesi pembentangan oleh En. Tomi Haryadi, Sekretariat EANET



Sesi mesyuarat STM20